

29 NOV 2001

Mahathir-Puasa

DR MAHATHIR JEMPUT TOKOH BUKAN ISLAM BERBUKA SAMA

PUTRAJAYA, 29 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berbuka puasa di Seri Perdana bersama wakil pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang turut dihadiri mereka yang bukan beragama Islam.

Kebanyakan daripada 264 orang yang hadir pada majlis itu menganggap jemputan berkenaan sebagai satu perkara unik yang pertama kali berlaku dalam sejarah Malaysia.

Mereka berasa amat gembira dengan jemputan itu kerana ia memberi peluang kepada mereka untuk bersama-sama dengan umat Islam menikmati juadah berbuka puasa dan melihat dengan lebih dekat amalan keagamaan dan budaya orang Islam.

Paderi Tan Sri Dr Lim Cheng Ean dari Persekutuan Kristian Malaysia berkata ia adalah satu jemputan yang unik daripada Perdana Menteri kepada orang bukan Islam untuk turut serta dalam majlis berbuka puasa.

"Kami berasa sebagai sebahagian keluarga Malaysia. Ia sesuatu yang membanggakan yang tidak dapat kita lihat di tempat-tempat lain. Kami amat berterima kasih dengan Perdana Menteri kerana menjemput kami," katanya kepada pemberita selepas menjamu juadah di Seri Perdana.

Dr Lim yang ditemani dua anggota persekutuan itu berkata langkah itu membolehkan mereka yang bukan beragama Islam meningkatkan kefahaman serta hubungan persahabatan dengan umat Islam.

Wakil Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia S. Vellusamy pula berkata jemputan menghadiri berbuka puasa bersama Perdana Menteri dan umat Islam itu adalah kali yang pertama diadakan dalam sejarah Malaysia.

"Kita rasa amat gembira kerana Perdana Menteri sendiri jemput untuk kita menghadiri majlis buka puasa. Ia sangat bagus dan ini adalah satu sejarah dalam Malaysia," katanya yang hadir bersama enam anggota lain.

Seorang wakil masyarakat Sikh, Mohon Singh pula berkata beliau berasa bangga dengan jemputan Dr Mahathir bagi menghadiri majlis berbuka puasa itu kerana ia merupakan suatu pengalaman unik bagi masyarakat Islam mengadakan satu majlis keagamaan di bulan suci Islam, dengan menjemput sama orang bukan Islam.

"Ia memberi peluang kepada kami untuk mengetahui dan memahami serta mendapatkan penjelasan mengenai Islam," katanya.

Sementara menunggu rakan-rakan beragama Islam menunaikan solat Maghrib, Mohon berkata mereka berbincang sesama sendiri mengenai keunikan Malaysia yang mempunyai struktur berbagai agama dan bangsa tetapi berada dalam keadaan harmoni.

"Kita dapat melihat keindahan masjid (Masjid Putra) dan sekitarnya. Kita patut mempromosi keunikan Malaysia ini kepada dunia," katanya.

Setiausaha Agung Kehormat Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia, Wong Shak Tong berkata jemputan Perdana Menteri adalah suatu yang baik kerana ia membolehkan masyarakat bukan Islam bercampur gaul dan bertukar-tukar pandangan serta mengeratkan hubungan dengan orang Islam.

"Caranya (menjemput orang bukan Islam) kita sokong benar kerana ia pertama kali diadakan. Ia dapat memupuk semangat muhibbah dan perpaduan di antara kaum di Malaysia," katanya yang hadir dengan 11 anggota lain.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir atas jemputan itu, beliau berkata mereka berharap dapat menghadiri lagi majlis seumpama itu pada masa akan datang.

Selain daripada wakil pertubuhan bukan kerajaan, yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, timbalan-timbalan menteri, setiausaha parlimen, ketua-ketua setiausaha kementerian dan ketua-ketua jabatan.

Beberapa timbalan menteri bukan Islam juga turut hadir, antaranya Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk S. Subramaniam dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Peter Chin Fah Kui.

Dr Mahathir turut menunaikan solat Isyak dan sunat Tarawih bersama jemputan lain dengan dipimpin Imam Besar Masjid Ibnu Has, Kaherah, Mesir Sheikh Muhammad Gibril.

-- BERNAMA

HS HS MOZ